

9
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR - BN]**

TARIKH : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN NO.15

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk program yang dijalankan di setiap negeri untuk menaikkan semula imej bola sepak dan badminton serta usaha-usaha untuk mencungkil bakat baru.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 April 2014 yang lalu kini telah memasuki tahun ketiga pelaksanaan. Fasa pertama akan berjalan sehingga tahun 2020 dan akan dinilai keberkesanannya kelak.
2. Program ini diwujudkan bagi melahirkan pemain yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa dengan penelitian dalam kaedah latihan dan penggunaan sains sukan dalam bola sepak. Sasaran utama program ini adalah melayakkan diri untuk bersaing di dalam Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.
3. Sehingga pertengahan tahun 2017, PPBN telahpun mempunyai seramai 19,252 orang pelatih, 69 orang pelatih skuad projek Elit dan 966 orang jurulatih akar umbi. PPBN juga mempunyai 46 Akademi Tunas di seluruh Malaysia, 59 Pusat Latihan Negeri, 14 Pusat di Sekolah Sukan Negeri dan 4 Pusat Sekolah Sukan Malaysia.
4. Selain dari itu, antara program-program yang diwujudkan oleh PPBN bagi membantu bola sepak negara adalah Karnival Akademi Tunas 7 hingga 9 tahun, Liga Akademi Tunas Zon 10 hingga 12 tahun, Liga Zon PPBN 13 hingga 17 tahun, Karnival Kebangsaan PPBN 13 hingga 17 tahun, Liga KPM bawah 14 dan 17 tahun, Liga Perempuan bawah 16 tahun dan Kejohanan Supermukh bawah 10 hingga 14 tahun yang merupakan kejohanan antarabangsa.

SULIT

5. Bagi sukan badminton, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan Akademi Badminton Kebangsaan di Bukit Kiara yang diuruskan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) bagi mengoptimumkan program latihan pusat yang tersusun kepada atlet-atlet pelapis negara. Ini secara tidak langsung akan memantapkan lagi struktur-struktur program sedia ada yang dikendalikan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN).
6. Selain itu, Program Sukan Teras telah diwujudkan pada tahun 2005 di mana penumpuan program adalah usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet berbakat bagi sukan badminton yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Sebanyak 93 buah pusat latihan telah ditubuhkan di seluruh negara dengan melibatkan seramai 1,860 orang atlet di bawah kendalian seramai 144 orang jurulatih.
7. Pelbagai strategi dirangka bagi mencapai objektif yang ditetapkan dan boleh dicapai menerusi strategi-strategi seperti menyediakan program latihan yang berkualiti, menyediakan peluang pertandingan sebagai pendedahan dan sistem pemantauan yang berkesan.
8. Program Pelapis telah bekerjasama dengan BAM dan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) untuk membentuk skuad elit pelapis untuk kategori pemain yang berumur 13 hingga 18 tahun. Pemain yang dipilih memasuki SSBJ adalah pemain negeri yang terbaik.

SULIT

- 9. Program Pelapis Negeri pula telah diwujudkan bermula tahun 2009 sehingga sekarang di bawah pemantauan pihak Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN) dan pengurusan Persatuan Badminton Negeri. Sebanyak 14 pusat latihan negeri diwujudkan bagi memberi latihan yang khusus kepada atlet-atlet badminton negeri dan pendedahan kejohanan peringkat kebangsaan yang mencukupi iaitu sebanyak 4 hingga 5 kali setahun. Bilangan atlet terkini bagi Program Pelapis Negeri adalah seramai 756 pemain dan jurulatih adalah seramai 30 orang.

Sekian, terima kasih.